

34

NO. SOALAN: 416

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN:

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sebab-sebab mengapa pusat-pusat tahfiz kurang
diberi perhatian daripada segi peruntukan kewangan.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk pusat-pusat tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama negeri dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan

Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah dibawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Oleh itu, tanggungjawab memberikan peruntukan kewangan kepada institusi tersebut adalah berada dibawah pihak lembaga pengurusan sekolah dan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pengusaha sekolah tahfiz persendirian perlu mengambil tanggungjawab bagi menguruskan pentadbiran sekolah dan pengurusan kewangan bagi operasi sekolah mereka.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sentiasa perihatin terhadap perkembangan dan pembangunan Sekolah Tahfiz. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukan bagi penyelarasan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang sebahagian besarnya adalah bantuan kepada sekolah tahfiz bagi menambahbaik perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Selain itu, pihak sekolah juga boleh memohon bantuan dari mana-mana badan yang berkaitan. Misalnya di Wilayah Persekutuan ialah Baitul Mal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih